



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI BERSAMA MEMACU PENJANAAN EKONOMI NEGARA MENERUSI KEPELBAGAIAN TEKNOLOGI

PUTRAJAYA, 9 JUN 2020 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyambut baik pengumuman Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) oleh Kerajaan Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Jumaat lalu, setelah negara mengharungi krisis COVID-19 selama kira-kira tiga bulan.

Melalui pelan ini, Kerajaan akan mengupayakan negara untuk menangani keadaan yang mencabar ini melalui enam pendekatan utama iaitu Ketegasan (*Resolve*); Ketahanan (*Resilience*); Memulakan Semula (*Restart*); Pemulihan (*Recovery*); Memperkasa (*Revitalise*); dan di peringkat akhir, Menyusun Semula (*Reform*).

PENJANA dengan tema “**Bersama Menjana Ekonomi**” mempunyai 40 inisiatif bernilai RM35 bilion. Di bawah PENJANA, Kerajaan telah mengenal pasti tiga teras utama iaitu Memperkasakan Rakyat (*Empower People*), Melonjakkan Perniagaan (*Propel businesses*) dan Merangsang Ekonomi (*Stimulate the economy*)

MOSTI sebagai Kementerian yang menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi negara tidak terkecuali menggembelng tenaga bersama pelbagai pihak untuk memastikan pendekatan dilaksanakan daripada pelbagai sudut holistik dalam usaha memulihkan ekonomi Malaysia.

MELONJAKKAN PERUSAHAAN SOSIAL

Objektif Menggalakkan aktiviti dan projek sosial berkaitan melalui padanan sumbangan	Manfaat Perusahaan Sosial berkaitan Kuantum RM10 juta Jangkaan Pelaksanaan Bermula Ogos 2020
--	--

Geran Padanan Lonjakan Perusahaan Sosial (SEE) merupakan sebahagian daripada inisiatif PENJANA melalui padanan sumbangan untuk menyokong kepentingan perusahaan sosial dengan kaedah yang inovatif dalam merencanakan kemajuan sosio-ekonomi negara. Objektif utama geran SEE adalah bagi mempromosikan perniagaan sosial yang memberi impak positif kepada masyarakat dengan tambahan kaedah yang inovatif bagi memastikan penjanaan kelestarian kekayaan kepada masyarakat yang berterusan.

Geran ini akan memanfaatkan perusahaan sosial (SE) dan inovator yang berkeelayakan serta dapat meraih sumbangan dan dana untuk menjalankan projek-projek sosial. Kerajaan menyediakan geran padanan perusahaan sosial ini melalui Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) berjumlah RM10 juta kepada perusahaan sosial yang berjaya mengumpul sumbangan untuk melaksanakan projek sosial bagi menangani isu yang dihadapi oleh komuniti melalui kaedah yang inovatif.

YIM dalam visinya memacu Inovasi dan kreativiti dalam kalangan rakyat Malaysia bakal menggalakkan nilai inovasi dipacu secara bersama dengan badan-badan akademik, sektor swasta dan masyarakat. Seterusnya, penterjemahan inovasi kepada kekayaan di dalam masyarakat dapat direalisasikan menerusi perniagaan sosial bagi menyeimbangkan sosio ekonomi dalam masyarakat. Dengan kewujudan kerjasama semua pihak, **kelestarian ekosistem sosial** dapat diperkukuhkan dan mampu memberi impak dalam pembangunan sosial, tadbir urus, persekitaran, akses kepada modal dan penciptaan baharu produk sedia ada.

SEE juga dapat memberi impak kepada perusahaan sosial secara langsung dalam mempertingkatkan kekayaan ke peringkat komersial melalui capaian penyelesaian inovatif yang meluas dan dapat memberi kesan positif dalam sumber mata pencarian masyarakat, keselamatan makanan (*food security*), kesejahteraan sosial, pendidikan berkualiti, perubahan iklim, perlindungan habitat semula jadi serta pemeliharaan budaya.

DANA PENJANA NASIONAL

<p style="text-align: center;">Objektif</p> <p>Menggalakkan pelaburan antarabangsa ke pasaran modal teroka tempatan untuk menyokong usaha pendigitalan perniagaan tempatan</p>	<p style="text-align: center;">Manfaat</p> <p>Syarikat pemula dan dana modal teroka tempatan</p> <p style="text-align: center;">Kuantum</p> <p>RM1.2 bilion (RM 600 juta sumber domestik)</p> <p style="text-align: center;">Jangkaan Pelaksanaan</p> <p>Mulai Julai 2020</p>
---	--

Bagi memacu pemulihan ekonomi negara melalui proses digitalisasi perniagaan, Dana Penjana Nasional disediakan dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion dengan RM600 juta sumber domestik bagi memupuk inovasi dan mengembangkan bakat modal teroka tempatan.

MOSTI dan agensi-agensinya membiaya dana di bawahnya seperti Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), Kumpulan Modal Perdana (KMP), Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) serta CRADLE Fund akan mengambil bahagian untuk menguruskan dana dengan cekap dan penuh tanggungjawab bagi memacu inovasi demi pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat. Dana ini akan memberi manfaat kepada syarikat-syarikat pemula dan dana modal teroka tempatan.

MOSTI melalui MAVCAP telah menandatangani dana-dana pelaburan modal teroka baharu bersama rakan pelabur sejak dua tahun lepas termasuklah Superseed II (sasaran saiz Dana; USD10 juta dalam sektor seperti *artificial intelligence, fintech, big data analytics, healthtech* dan lain-lain. Sementara Asia Greentech Fund (sasaran saiz Dana; USD200 juta, sektor: Tenaga Boleh Baharu seperti biomass, solar dan *smart energy management*) dan LuneX (sasaran saiz Dana; USD10 juta bagi sektor

blockchain, fintech dan lain-lain). Usaha sama ini berpotensi memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa pendek berikutan impak penularan wabak COVID-19 dan juga jangka masa sederhana menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 hingga Ke-13. Rundingan untuk menubuhkan beberapa dana pelaburan modal teroka lagi masih berjalan dengan rakan pelabur, pengurus dana tempatan dan juga antarabangsa.

MOSTI dan agensi-agensi pembiaya akan membantu memudah cara syarikat-syarikat *start-up* berasaskan teknologi untuk mengkomersialkan produk serta perkhidmatan mereka, seterusnya meneroka pasaran yang lebih luas di peringkat global.

NATIONAL TECHNOLOGY AND INNOVATION SANDBOX

Objektif	Manfaat
Menggalakkan pengembangan inovasi dan kreativiti yang dapat memangkin pendigitalan penawaran perkhidmatan	Syarikat pemula
	Kuantum RM100 juta
	Jangkaan Pelaksanaan Mulai Jun 2020

Kerajaan turut mengumumkan ***National Technology & Innovation Sandbox (NTIS)*** dalam usaha melengkap proses digitalisasi negara dengan RM100 juta akan diperuntukkan bagi merealisasikan usaha terbabit. NITS akan diterajui MOSTI dengan memberi kelonggaran beberapa peraturan untuk menguji cuba teknologi baharu. *Sandbox* inovasi juga akan menggunakan sokongan regulatori untuk mengurangkan halangan dalam inovasi.

MOSTI yang menerajui penubuhan NTIS untuk memelihara dan mempercepat penerapan teknologi tinggi dan inovasi tempatan juga bertanggungjawab untuk menyediakan perumusan strategi teknologi canggih dan memudahkan penciptaan dan pengkomersialan inovasi disokong oleh agensi MaGIC, TPM dan MIMOS Berhad yang bertindak sebagai Sekretariat NTIS. Sumber pembiayaan NTIS termasuk daripada MOSTI dan agensinya, serta penggunaan semula (*repurposing funds*) Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) di bawah MOSTI dan MTDC, dan Dana Perolehan Teknologi (TAF) di bawah MTDC. MTDC akan

membiayai inovasi yang berkaitan dengan Industri 4.0, automasi dan robotik. Turut menyokong usaha ini adalah beberapa lagi agensi di bawah MOSTI seperti Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Nano Malaysia Berhad.

Usaha ini dijangka akan memperkasakan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berasaskan *experimental development* bagi meningkatkan pengkomersialan misalnya pengujian penghantaran pembelian dalam talian melalui dron dan penggunaan kenderaan pandu sendiri dapat dibuat secara lebih efektif dan pantas.

Sementara MIGHT, Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan teknologi tinggi di Malaysia melalui *Advanced Technology Center (ATC)* untuk perniagaan akan turut bersama-sama memacu sektor teknologi tinggi serta turut memberi sumbangan besar dalam memastikan kejayaan NITC dan PENJANA amnya.

Ia juga selaras dengan hasrat MOSTI bagi membangun dan menggalakkan penggunaan teknologi terkini dan aplikasi seterusnya mentransformasikan industri serta masyarakat daripada pengguna teknologi, kepada pembangun dan pencipta teknologi.

PENDIGITALAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

Objektif	Manfaat
Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah pengamalan norma baharu dan penjarakan sosial	Orang awam
	Kuantum
	RM20 juta
	Jangkaan Pelaksanaan
	Mulai Jun 2020

Perancangan untuk kesinambungan perniagaan harus menjadi keutamaan kerana kebanyakan perniagaan terpengaruh dengan fasa sukar bagi semua orang untuk menyesuaikan diri dengan landskap selepas PKP.

Bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan ke arah pengamalan norma baharu dan penjarakan sosial bagi memberi manfaat kepada

orang awam dan rakyat secara keseluruhan dengan jumlah sebanyak RM20 juta. MOSTI turut menyambut baik pengumuman ini di mana usaha-usaha pendigitalan perkhidmatan dan perniagaan akan ditingkatkan bagi memastikan perkhidmatan yang lebih cekap dan pantas di kedua-dua sektor awam dan swasta melalui Agensi, Jabatan dan Syarikat di bawah MOSTI. Dalam hal ini MOSTI akan memperluaskan penggunaan analisis data raya dan kecerdasan buatan terutama sekali bagi memacu pembangunan sains dan teknologi negara.

Dalam mencapai tujuan ini, MOSTI melalui Cradle Fund dan MIMOS Berhad akan bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan, pakar-pakar dan rakan industri dari sektor awam dan swasta untuk memastikan peluang terhadap penyelesaian dan nilai tambah dapat diwujudkan yang tidak terhad kepada penciptaan syarikat teknologi baru yang layak mendapat dana dan sokongan bagi membuka peluang lebih luas dalam usaha menghidupkan semula ekonomi dengan inisiatif melonjakkan perniagaan digital.

PENUTUP

MOSTI menghargai keprihatinan Kerajaan yang memberi tumpuan terhadap keutamaan rakyat dari pelbagai aspek bagi memastikan kelangsungan perniagaan, pendigitalan serta menggalakkan pelaburan bernilai tinggi yang seterusnya bermanfaat kepada pengguna, peniaga serta merancakkan semula ekonomi negara.

MOSTI juga sentiasa berusaha memastikan teknologi maju dan teknologi tinggi (*advanced tech* atau *high tech*) dalam pemulihan ekonomi negara sentiasa berkembang. *Advanced tech* bukan sahaja meliputi teknologi digital malah ia juga merangkumi teknologi tinggi seperti bioteknologi untuk jaminan bekalan makanan negara serta teknologi robot dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dalam pelbagai bidang. Penggabungan beberapa teknologi baharu seperti biologi sintetik, kecerdasan buatan, kejuruteraan tisu, dron dan robotik akan diterapkan dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan dan sekuriti makanan negara. Teknologi nuklear bagi bidang perubatan dan makanan, teknologi elektrik dan

elektronik bagi bidang komunikasi dan lain-lain lagi turut akan dimudah cara melalui penyediaan dasar-dasar Kerajaan yang bersesuaian.

Pada masa yang sama MOSTI bersama semua Jabatan dan Agensi di bawahnya akan meningkatkan usaha-usaha mengintegrasikan elemen-elemen sains, teknologi dan inovasi dalam negara ini. Malaysia terus menyahut cabaran dalam menjadi pemain utama dalam bidang berteknologi terkehadapan untuk meningkatkan produktiviti negara bagi memperkenalkan Malaysia sebagai *High-Tech Nation* di persada dunia.

TAMAT

Disediakan oleh:

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)